



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

**UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA**

### **WILAYAH BERKAT RAKYAT SEJAHTERA**

**LABUAN, 7 Februari 2020** – Sambutan Hari Wilayah Persekutuan peringkat Labuan diteruskan dengan penganjuran Forum Ilmiah di Masjid Sultan Muhammad IV, WP Labuan. Antara panel forum ialah Imam Muda Mohd Hassan Adli Yahaya@Yahuza, Pendakwah dan Ustaz Shahirul bin Abdullah, Pensyarah Kolej Matrikulasi Labuan. Manakala Moderator bagi forum ini ialah Ustaz Mohammad Faiz Ibrahim dari Bank Islam Malaysia Berhad.

Program Ilmiah yang dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Perbadanan Labuan dengan kerjasama Bank Islam ini bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim sesama kaum muslimin dan muslimat serta komuniti setempat sebagai platform interaksi dan ramah mesra kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan. Forum yang bertajuk “Wilayah Berkat Rakyat Sejahtera” ini mengupas tentang topik kejayaan sesebuah negara atau wilayah dalam mengecapi kemakmuran bersama.

Penganjuran program kerjasama strategik seperti ini juga dapat membuka ruang dan peluang kepada institusi kewangan untuk bersama-sama menyumbang ke arah membangunkan nilai-nilai kerohanian dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat mereka. Pada masa yang sama kerjasama strategik seperti ini juga dapat membantu kerajaan melaksanakan lebih banyak program berskala besar demi kebaikan dan kesejahteraan rakyat.

**Disediakan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
7 Februari 2020**